



BIL 2/2000

PERBADANAN KEMAJUAN IKTISAD KELANTAN

MUHARRAM-RABIUL AWAL 1421 / APRIL-JUN 2000

## PEMAKAIAN TAKWIM DAN DIARI HIJRAH KUMPULAN PKINK DILANCAR



iring dengan arus pemodenan serta perkembangan teknologi maklumat yang bersifat global, penggunaan kalender Islam dalam urusan harian kian terpinggir, malahan terdapat masyarakat Islam tidak mengingati tarikh dan bulan-bulan Islam dalam kalender Hijrah.

Menyedari hakikat ini, satu Jawatankuasa Peringkat Negeri Kelantan yang dinamakan Jawatankuasa Penaja Ke Arah Menobatkan Semula Kalender Islam Hijrah Dalam Pentadbiran Negeri Kelantan telah dibentuk dengan diurussetiahan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan.

Sebagai menyahut seruan kerajaan, PKINK dan syarikat-syarikat dalam Kumpulan telah mengadakan Majlis Pelancaran Pemakaian Taqwim dan Diari Hijrah pada 7 Muharram 1421.

Bermula pada tarikh tersebut Kumpulan PKINK, iaitu PKINK dan syarikat-syarikat anaknya akan menggunakan tarikh mengikut Tahun Hijrah, di dalam surat menyurat dan dokumen lain. Majlis pelancaran yang penuh bersejarah itu diadakan di Hotel Perdana. Ia disempurnakan oleh Pengurus Jawatankuasa



Pembangunan Islam, Pendidikan dan Sukan, YB Haj Hassan Muhamad sebagai mewakili YAB Menteri Besar Kelantan. Selain itu, Kalender Hijrah yang turut mencatatkan Peristiwa Hijrah Rasulullah S.A.W adalah satu rentetan sejarah yang amat bermakna dalam perababan umat Islam secara total.

Hijrah secara umum boleh dertiakan sebagai anjakan dari satu tahap kepada satu tahap yang lebih baik (*paradigm shift*). Atas semangat inilah Pengurusan PKINK, syarikat anak dan anggota PKINK membuat anjakan yang positif ke arah memantapkan PKINK dan memajukan Kelantan sesuai dengan amanah yang diberikan.

Tidak ketinggalan, setiap bulan dalam Kalender Hijrah turut mencatatkan peristiwa penting yang perlu dihayati oleh masyarakat Islam antaranya:-

### Bulan Syawal

- Peristiwa Tentera Islam berjaya menawan Istana Raja Parsi (Istana Putih) pada tahun 16 Hijrah.



Bersambung ke muka surat 3

ISSN 0127-3256



9 770127 325015

# PERUTUSAN KORPORAT

**T**idak akan diutuskan oleh Allah, sekelain nabi dan RasulNya ke dunia ini melainkan semata-mata untuk menjadi perantara dan pembimbing umat manusia.

Dunia semakin maju, teknologi semakin canggih seiring dengan tahap ketamadunan manusia yang semakin bijak, terutamanya dalam mengatur rutin hidup yang kian mencabar dan mencengkam. Dalam kegembiraan mengejar kemewahan dunia ini membuatkan sebagian daripada kita menjadi leka dan terlupa akan asal-usul, lantaran bebat memburu darjat, mencipta nama atas rasa bongkok dan keegoan yang melangit dan tiada batasnya.

Sesungguhnya kehidupan bari ini kian terpesona dari puncak damai. Budaya lubur dan pekerti mulia semakin bancur, bilang pertimbangan diri dan keyakinan terhadap orang lain kian terbakis. Sungguh malang nasib dan kehidupan kita sekarang, namun bukan kerana suratan dan takdir Tuhan tetapi terencat oleh keperibadian serta sikap tamak dan keterburuan kita tanpa batasan.

Globalisasi atau dunia tanpa sempadan bukan sekadar sebutan tetapi kian menjadi satu kemestian dan rebutan kepada semua orang. Dalam kelekaan dan keasyikan di mana sebahagian daripada kita bagaikan kerasukan, kita jugalah yang perlu berusaha untuk sedar dan mengenal diri bahawa apa pun kemajuan yang dicapai, kita tetap insan kerdil dan terlalu bina di sisi Tuhan.

12 Rabiul Awal, tarikh keramat....tarikh kelahiran Rasul Junjungan utusan Allah dan menyelamat kepada umat manusia sepanjang zaman perlu kita bayati dengan mendalam. Sifat-sifat baginda yang penuh lubur tanpa bandingan serta ilmu dan ajaran yang disampaikan sebagai amalan hidup kita sebarisan perlu diselimbangkan, agar kita terus mampu mengekalkan tembok dan membentengi diri kita dalam menghadapi cabaran alaf baru dan dunia tanpa sempadan.

Salam Editor

## Sidang Editor

Pemimpin:  
En. Wan Zulkifle b. Wan Yusoff

Ketua Editor:  
Hj. Hanifa Ahmad

Editor:  
Tn. Hj. Baharuddin Harun

Pen. Editor:  
En. Mohd. Adilan Mat Jusoh  
Pn. Ahlaami Hj. Ab. Halim  
Pn. Nik Farzimar Nik Omar  
Pn. Teh Mariam Mohamed  
En. Wan Azizan Wan Yaakub  
YM. Tengku Petra Tengku Wook  
En. Mohd Ramli Hj. Hamzah

Jurufoto:  
En. Rusli Hj. Ismail

Berita Kumpulan PKINK  
diterbitkan oleh:  
BAHAGIAN SUMBER MANUSIA  
PERBADANAN KEMAJUAN  
IKTISAD NEGERI KELANTAN  
Tingkat 8-11, Bangunan PKINK  
Jalan Tengku Maharani  
Peti Surat 142  
15710 Kota Bharu  
Kelantan Darul Naim.

Rekabentuk dan Dicetak oleh:  
PERCETAKAN & PERNIAGAAN  
NIK DAUD SON BHD  
3512-P, Jalan Sultanah Zainab  
15050 KOTA BHARU  
KELANTAN DARULNAIM

Tel : 09-7483466  
Fax : 09-7447233

Bersambung dari muka surat I

#### Bulan Syaaban

- Nama-nama yang akan diambil rohnya sepanjang tahun tersebut akan dimansuhkan dari senarai orang-orang yang hidup dan dipindahkan ke dalam senarai orang-orang yang mati sepanjang tahun tersebut. Ia akan berlaku pada malam *Nisfu Syaaban* iaitu pada 14 Syaaban.

#### Bulan Ramadhan

- Turunnya ayat Quran pertama di Gua Hira' pada 17 Ramadhan.
- *Malam Lailatul Qadar* seperti 1000 bulan (84 tahun 4 bulan)
- Allah mengeluarkan Nabi Yunus dari perut ikan setelah berada selama 40 hari dan 40 malam di dalamnya.
- Allah menyelamatkan Nabi Musa dari dikejar oleh Firaun dan bala tenteranya di Laut Merah.

#### Bulan Rabiulawal

- Hari Keputeraan Rasulullah 12 Rabiulawal / 20.4.571 Hijrah.
- Perlantikan Baginda sebagai Rasul.
- Pembinaan masjid pertama - Masjid Kuba' 8 Rabiulawal.

#### Bulan Rejab

- Peristiwa Israk & Mikraj - 12 Rejab

#### Bulan Muharram

- Allah menyelamatkan Nabi Ibrahim dari kekejaman Namrud.
- Allah mengeluarkan Nabi Yusuf dari penjara setelah merengkok beberapa tahun akibat fitnah Siti Zulaikha, isteri pembesar Mesir.
- Allah menyelamatkan Nabi Noh dan para pengikutnya setelah terapung-apung di atas banjir selama enam bulan.

#### Sejarah Masjid Negara Islam

Setiap helaian kalender Hijrah turut diceritakan mengenai sejarah masjid-masjid yang terulung di dunia Islam.


Antaranya Masjid Qoba'. Masjid ini merupakan masjid pertama dibina di bumi Arab.

Masjid Al-Aqsa merupakan sebahagian dari tempat yang bersejarah dalam peristiwa Israq dan Mikraj.

#### Ciri-ciri Diari Hijrah PKINK

Di tiap-tiap bulan ada dicatatkan amalan-amalan sunat yang digalakan dikerjakan pada bulan-bulan berkenaan. Di samping dicatat peristiwa-peristiwa penting pada bulan berkenaan. Dengan adanya catatan tersebut membolehkan umat Islam mengingatkan peristiwa-peristiwa yang berlaku dalam bulan Hijrah dan menginsafi perjuangan Nabi, sahabat-sahabat baginda serta kebesaran dan kekuasaan Allah, Tuhan semesta alam.

Dengan penggunaan Taqwim dan Diari Hijrah ini, diharap usaha kita untuk memartabatkan kalender Islam akan berjaya. Insya Alliah.



Anggota-anggota Eksekutif Kerajaan Negeri dan dir-diri jemputan di majlis pelancaran pemakaian takwim dan Kalender Hijrah bagi peringkat Kumpulan PKINK di Hotel Perdana

## ROMBONGAN DARI TAIWAN DAN BANGKOK TINJAU PELUANG PELABURAN DI KELANTAN



egawatan ekonomi yang semakin pulih telah merancak dan menceriakan kembali aktiviti-aktiviti pelaburan di negeri ini. Pada 12-15 Muharram 1421H bersamaan 17-20 April 2000, rombongan seramai sembilan orang pelabur dari Oslow Associates Ltd. (Taiwan) yang diketuai oleh Presidennya En. Jonathan Chen telah membuat tinjauan pelaburan ke Kelantan. Pada 14-18 Muharram pula rombongan seramai 30 orang pelabur dari Bangkok juga berkunjung ke negeri ini kerana tujuan yang serupa.

Bagi memberikan pendedahan serta gambaran yang jelas tentang peluang-peluang pelaburan dan usahasama yang boleh dimanfaatkan oleh kedua-dua pihak, ahli-ahli rombongan tersebut telah diberi penerangan khas serta dibawa ke tapak-tapak projek telah yang dirancang dan sesetengahnya pula sudah dibangunkan secara berperingkat oleh PKINK.

Di Perbadanan kedua-dua rombongan tersebut membuat kunjungan rasmi pada 18 dan 19 April berpeluang mengikuti taklimat yang disampaikan oleh Tuan Hj. Mohd Suhaimi Husin, Pengurus Perancangan Korporat PKINK. Taklimat tersebut merupakan penerangan khusus mengenai bidang-bidang yang telah menarik minat kedua-dua rombongan tersebut iaitu pertanian, perikanan, perusahaan makanan serta petrokimia. Sesi soal jawab yang berupa perbincangan secara langsung di antara ahli-ahli rombongan dengan pegawai-pegawai Perbadanan turut membantu dalam mempertingkatkan minat pelabur untuk melabur di sini.

Adalah diharapkan tinjauan tersebut merupakan langkah-langkah awal atau sebagai permulaan ke arah jalinan mewujudkan serta usahasama pelaburan yang mampu untuk memberikan pulangan yang baik di antara pihak-pihak terbabit.


## KONVENSYEN MINI PROGRAM USAHAWAN MUDA (PUM) 1999

**PKINK** yang dilantik oleh Kementerian Pembangunan Usahawan (KPUn) sebagai sekretariat PUM Negeri Kelantan telah menganjurkan Konvensyen Mini PUM 1999 pada 4hb - 6hb Mei 2000 bertempat di Kolej RiSDA Bukit Sireh, Kuala Krai. Konvensyen tersebut diadakan bagi memberi pengiktirafan terhadap kecermerlangan syarikat-syarikat PUM sepanjang tahun 1999 di sekolah-sekolah yang telah dipilih. Ia juga merupakan penghargaan PKINK dan KPUn kepada semua pelajar, guru penasihat serta agensi pelaksana seperti Yayasan Islam Kelantan serta Jabatan Pendidikan Kelantan yang terlibat dalam menjayakan program keusahawanan tersebut. Selain dari itu, syarikat-syarikat yang berjaya memenangi anugerah Syarikat Terbaik, Produk Kreatif, Pengurus Terbaik dan juga Guru Penasihat Terbaik mewakili PUM Kelantan untuk bertanding di peringkat nasional yang diadakan pada bulan Jun, 2000.

Konvensyen tiga hari tersebut disertai oleh 77 pelajar dan seorang guru penasihat. Setiausaha Bahagian Latihan KPUn, Cik Halimah Sulaiman dan pegawai penyiaras PUM KPUn, En. Ahmad Rizal Mohamad Hanapiah bersama pihak sekretariat dari Unit Pembangunan Usahawan PKINK mengatur dan menjayakan pelbagai program pendidikan dan riadah dari jam 8.00 pagi sehingga 11.00 malam. Program yang diatur termasuk ceramah, kuiz keusahawanan, 'business games', kuliah agama dan juga sukaneka. Para penceramah yang terdiri dari tokoh usahawan, pensyarawat MEDEC UiTM serta pegawai PKINK yang berpengalaman, telah berjaya memberi suntikan semangat serta motivasi kepada para pelajar khususnya dalam bidang keusahawannan.

Syarikat Young Business Sdn. Bhd. dari Sekolah Menengah Kebangsaan Temangan yang memperolehi keuntungan melebihi RM2,000 telah dipilih sebagai syarikat terbaik manakala Syarikat Ar-Rabihin dari Maktab Pengajian Islam memenangi kategori produk kreatif. Adik Fazlani Ghazali dari SMU (A) Falahari memenangi anugerah Pengurus Terbaik, manakala Puan Nik Maimun Nik Yusof telah terpilih sebagai Guru Penasihat Terbaik.

Hadiyah-hadiyah telah disampaikan oleh Cik Halimah Sulaiman, Setiausaha Bahagian Latihan KPUn dan juga Tuan Hj. Ghani Omar, Ketua Unit Pendidikan Swasta, Jabatan Pendidikan Kelantan.



## KONVENSYEN PROGRAM USAHAWAN MUDA 1999 PERINGKAT NASIONAL

**P**ada tahun 1999, sebanyak 225 buah sekolah iaitu sekolah menengah, sekolah menengah agama-rakyat, sekolah menengah vokasional, sekolah menengah sains dan MRSM dari seluruh negara menyertai program Usahawan Muda (PUM) membabitkan 7,307 murid dan 465 orang penasihat. Selain PUM di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan (KPUn), terdapat juga agensi kerajaan dan swasta yang menjalankan program serupa yang dikenali sebagai program keusahawanan muda dengan kerjasama Kementerian Pendidikan. Antaranya American-Malaysia Chamber of Commerce bagi Pengusaha Muda Malaysia, Esso bagi Pengusaha Muda Esso dan Institut Pembangunan Pengurusan Johor bagi Program Tunas Besar. Kesemua program tersebut mempunyai matlamat dan kumpulan sasaran yang sama walaupun berbeza dari segi cara pelaksanaan, latihan dan bantuan yang diberikan.

Penganjuran program tersebut mendapat kerjasama KPUn dan Bahagian Hal-Ehwai & Pembangunan Pelajar, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Gombak, Selangor. Konvensyen tersebut disertai oleh 14 buah syarikat yang mewakili negeri-negeri dari seluruh Malaysia. Pelbagai program telah diatur sepanjang tempoh lima hari konvensyen seperti ceramah keusahawanan, ceramah motivasi, business game, kuiz keusahawanan dan kembara rentas belantara.

Pelbagai kategori telah dipertingkatkan di konvensyen tersebut seperti Syarikat Terbaik, Pengurus Terbaik, Produk/Perkhidmatan Terbaik, Agenzia Pelaksana Terbaik dan Penasihat Terbaik. Unit Pembangunan

Usahawan PKINK selaku sekretariat PUM Negeri telah mengetuai rombongan dari Kelantan yang terdiri dari 27 pelajar, lima guru pengelola, dua penasihat dan dua pegawai PKINK. Syarikat PUM dari Kelantan diwakil oleh syarikat Young Business Sdn. Bhd. dari SMK Temangan dan juga syarikat Ar-Rabihin dari Maktab Pengajian Islam berjaya mendapat tempat ke tiga bagi kategori Produk/Perkhidmatan Terbaik.



Tuan Hj. Wan Yahya Wan Salleh, Timbalan Ketua Eksekutif (P&P) mewakili PKINK pada majlis penyampaian anugerah yang dilakukan oleh Setiausaha Parlimen, KPUn.



## SUKAN PERSAHABATAN ANTARA PEGAWAI-PEGAWAI PMINT DAN PKINK DI KOTA BHARU

 antara tugas dan tanggungjawab yang perlu dilaksanakan telah menjadikan rutin hidup kita sentiasa terbatas untuk berhubung dan bermesra. Menyedari hakikat tersebut seramai 50 pegawai dari Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu (PMINT) telah mengadakan lawatan muhibah ke Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK). Rombongan dari PMINT telah diberikan taklimat mengenai penglibatan serta pencapaian PKINK dalam pelbagai bidang yang diceburi terutamanya mengenai usaha membangunkan ekonomi Kelantan. Kemudiannya ahli-ahli rombongan telah diraikan dengan jamuan makan tengahari yang turut disertai oleh pegawai-pegawai PKINK.

Bagi mempertingkatkan lagi semangat setiaawan serta menceriakan lagi pertemuan tersebut, beberapa acara sukan yang merangkumi permainan seperti golf, ping-poong, skuasi, karom, badminton dan bola tampar telah diadakan. Pelbagai gelagat dan aksi dapat disaksikan dalam perlawanan sukan tersebut kerana kebanyakan yang terlibat bukannya terdiri daripada ahli-ahli sukan. Lagipun apa yang diburu bukanlah kejuaraan tapi sebaliknya kesempatan untuk berjumpa dan bermesra. Keputusan bagi acara-acara yang telah diadakan adalah sebagaimana berikut:-

	Johan	Naib Johan
Karom	PKINK	PMINT
Ping-Pong	PMINT	PKINK
Bola Tampar	PKINK	PMINT
Badminton	PKINK	PMINT

Kesemua peserta yang mengambil bahagian dalam acara sukan tersebut telah diraikan dalam jamuan perpisahan yang disusuli dengan penyampaian hadiah-hadiah yang disempurnakan oleh En. Wan Zulkifle Wan Yusoff, Ketua Eksekutif PKINK dan Hj. Mohd Fauzi Ismail, Timbalan Pengurus Besar PMINT.

Lewat jam 6.30 petang ahli-ahli rombongan telah berlepas pulang ke Kuala Terengganu dengan membawa seribu kenangan hasil jalinan kemesraan.





## KPKB CEBURI BIDANG PENANAMAN SAYUR-SAYURAN DI LOJING

**K**e arah merealisasikan hasrat Kerajaan Negeri Kelantan untuk menjadikan negeri ini sebagai "Negeri Jelapang Makanan Negara", Kumpulan Pertanian Kelantan Berhad (KPKB) telah mengambil langkah positif ke arah itu. Sejak tahun 1999, KPKB telah memanfaatkan sepenuhnya tanah seluas 100 ekar yang diperuntukan oleh PKINK untuk dimajukan dengan projek sayur-sayuran beriklim sederhana, yang terletak di Tanah Tinggi Lojing, di Ulu Kelantan.

Tujuan utama perlaksanaan projek tersebut ialah bagi mengeluarkan sayur-sayuran untuk dipasarkan kepada penduduk Kelantan. Pada masa ini dianggarkan 70% - 80% dari keperluan sayur-sayuran di negeri ini dibawa dari luar Kelantan dan dari negara jiran. Pada masa ini Kelantan memerlukan bekalan sayur-sayuran berjumlah 48,000 tan setahun yang dianggar bernilai RM48 juta.

Pengeluaran hasil pertanian pada masa ini hanya dilakukan secara kecil-kecilan dan bermusim. Jenis sayur-sayuran yang ditanam di kawasan rendah dan di dataran sebelah utara Kelantan. Oleh itu, usaha secara besar-besaran harus dilakukan bagi meningkatkan pengeluaran sayur-sayuran bagi memenuhi keperluan penduduk dan seterusnya mencapai hasrat memajukan sektor pertanian komersil di Kelantan. Di samping itu, dapat memanfaatkan tanah-tanah terbiar.

Melalui syarikat anak milik penuhnya, Ladang Darulnaim Sdn. Bhd (LDSB), KPKB telah mengadakan usahasama dengan sebuah syarikat swasta pada 1999



Sebahagian dari ladang sayur-sayuran KPKB di Lojing, Hulu Kelantan.

dan sehingga kini telah membelanjakan sebanyak RM1.2 juta bagi menyediakan kemudahan asas dan tapak tanah ladang. Lebih kurang 50 ekar kawasan pertanian yang dimajukan telah mengeluarkan hasil dan di antaranya tomato, kobis, kailan dan lain-lain jenis sayur-sayuran. Pada masa ini hanya sebahagian kecil sayur-sayuran tersebut mampu dipasarkan untuk pasaran tempatan kerana masalah jalan perhubungan yang sukar. Sebahagian besar sayur-sayuran tersebut dihantar ke Pasar Borong Selayang dan juga untuk pasaran di utara Semenanjung. Adalah dijangkakan apabila lebuhraya kedua Timur-Barat yang melalui Tanah Tinggi Lojing yang dijangka siap pada tahun 2002, membolehkan sayur-sayuran tersebut dipasarkan sepenuhnya kepada penduduk di sebelah utara Kelantan. Berdasarkan potensi tersebut, KPKB berharap mendapatkan peruntukan tanah pertanian yang lebih luas lagi pada masa akan datang bagi membolehkan projek yang lebih besar dapat dilaksanakan. KPKB kini mempunyai pengalaman di bidang pertanian di samping mempunyai sumber modal dan pasaran.



Tanaman sayur-sayuran juga dilakukan di bawah "Rumah Kelambu" bagi mengelakkan penggunaan racun serangga dan lain-lain"

Perlaksanaan projek sayur-sayuran itu juga menjadi pendorong kepada projek-projek pertanian lain di kawasan tersebut. Ini akan menjadi penyumbang bagi mempercepatkan pembangunan projek pertanian di Tanah Tinggi Lojing. Oleh itu, hasrat Kerajaan Negeri Kelantan untuk menjadikan kawasan tersebut diusahakan dengan projek pertanian komersial dapat direalisasikan dan seterusnya dapat menyumbangkan ke arah menjadikan Negeri Kelantan sebagai "Negeri Jelapang Makanan Negara".

## MURNI MARKETING SDN BHD TEROKAI PASARAN MAKANAN HALAL DI BRUNEI DARUSSALAM

**M**urni Marketing Sdn. Bhd. (MMSB), sebuah anak syarikat milik penuh KPKB kini mula memasuki pasaran negara Brunei Darussalam. Syarikat ini mengusahakan kilang mengetin makanan halal yang terletak di Bachok, Kelantan dan telah menandatangi memorandum persefahaman dengan sebuah syarikat dari Brunei Darussalam, SABLI FOOD INDUSTRIES CO. pada 18 Muharram 1421H bersamaan 23hb. April 2000, bagi mengeksport keluarannya ke negara tersebut mulai Ogos, 2000. Penghantaran permulaan dianggarkan 1-2 kontena sebulan. Produk makanan halal yang dijangka dieksport ke negara tersebut ialah makanan dalam tin seperti kari ayam, kerutuk daging dan rendang juga produk keluarga roselle seperti kordial dan jem.

YB. Hj. Omar b. Mohammed, Pengurus KPKB telah menandatangi MOU bagi pihak KPKB manakala Hj. Sabli b. Hj. Arsal menandatangi bagi pihak SABLI FOOD INDUSTRIES CO. Penerokaan pasaran ke negara Brunei Darussalam merupakan langkah permulaan bagi MMSB melangkah dengan lebih luas lagi di pasaran makanan halal di peringkat antarabangsa di antaranya ke negara-negara Islam yang mempunyai kuasa beli tinggi dan di negara-negara Timur Tengah.



Majlis menandatangani MOU di antara KPKB dan SABLI FOOD INDUSTRIES CO. dan negara Brunei Darussalam.



Kilang Mengetin Makanan KPKB yang terletak di Bachok, Kelantan.

Kilang mengetin makanan milik KPKB kini mempunyai 12 kakitangan dengan kapasiti pengeluaran 5,000 tin sehari merupakan satu-satunya kilang seumpamanya yang terdapat di Kelantan. Kilang berkenaan bukan sahaja mampu mengetin makanan tetapi juga buah-buahan dan minuman. Kilang berkenaan kini mengeluarkan produk makanan halal dengan jenama AYAMURNI, CEMARA dan HIVINA, di samping mengeluarkan produk jenama syarikat lain secara kontrak pengeluaran. Ini bermakna kilang ini telah mendapat kepercayaan syarikat-syarikat luar termasuk dari Kuala Lumpur bagi mengeluarkan produk jenama mereka. Pihak syarikat juga sedang bekerjasama rapat dengan pihak MARDI bagi mengeluarkan berbagai-bagai jenis makanan dalam tin untuk pasaran dalam dan luar negeri.

Aktiviti hilir yang dijalankan ini adalah untuk membuka ruang pasar:an yang lebih luas kepada produk dan bahan mentah yang sedia ada yang terdapat di Kelantan. Ia juga sudah tentu memberi sumbangan pendapatan yang lebih kepada petani-petani. Oleh itu, pengujudan kilang mengetin makanan ini adalah bertepatan sekali dengan hasrat membangunkan sektor pertanian di Kelantan yang menjurus kepada pengeluaran bahan makanan halal sebagaimana yang diharalkan oleh Kerajaan Negeri Kelantan.



YB Hj. Omar B. Mohammed dan Hj. Sabli B. Hj. Arsal sedang bertukar-tukar dokumen perjanjian dan cenderahati.



Operasi pengeluaran di kilang mengetin makanan KPKB di Bachok, Kelantan.

## MAJLIS MAKAN MALAM BERSAMA PENGILANG-PENGILANG DI KAWASAN PERINDUSTRIAN PKINK



ada 24 Muharram 1421H, PKINK yang merupakan badan yang dipertanggungjawabkan untuk membangunkan kawasan perindustrian di negeri Kelantan, menganjurkan Majlis Makan Malam Bersama Pengilang-Pengilang di kawasan perindustrian PKINK.

Di antara objektif majlis itu untuk mengeratkan perhubungan di antara PKINK dan jabatan-jabatan kerajaan dengan pengilang-pengilang di negeri ini. Juga diadakan bagi menghargai sokongan dan pelaburan mereka di Kelantan, di samping memberi peluang-peluang pekerjaan kepada penduduk setempat.

Majlis tersebut telah dihadiri oleh Timbalan Menteri Besar Kelantan, YB. Ustaz Abdul Halim Abdul Rahman yang juga merangkap EXCO Perdagangan, Perindustrian, Pembangunan Usahawan & Sumber Manusia Negeri Kelantan, Exco-Exco kerajaan negeri, ketua-ketua jabatan kerajaan, pengurus-pengurus bank, ketua-ketua jabatan PKINK dan juga pengurus atau wakil kilang-kilang.

Pada majlis tersebut, Timbalan Ketua Eksekutif PKINK (P&P), Tuan Haji Wan Yahya Wan Salleh telah menyampaikan ucapan pembukaan dilikuti dengan ucapan dari Presiden Persatuan Pengilang-Pengilang Kelantan atau lebih dikenali dengan KELMA iaitu Encik Abdullah Mahmood.

YB. Ustaz Abdul Halim Abdul Rahman mengucapkan terima kasih kepada pengilang-pengilang yang telah banyak memberi sokongan dan membantu kerajaan negeri Kelantan dalam membangun dan mempertingkatkan aktiviti perindustrian di negeri ini. Beliau juga berharap agar sokongan ini dapat diteruskan pada masa-masa hadapan dengan mempromosikan Kelantan sebagai salah satu pusat perindustrian utama di negara ini.

Sambil menikmati hidangan makan malam yang disediakan pada majlis tersebut, para jemputan telah dihiburkan dengan persembahan dikir barat oleh Kumpulan Hotel Perdana.

Majlis makan malam itu telah diakhiri dengan penyampaian hadiah penghargaan kepada pengilang-pengilang cemerlang. Sebanyak 20 buah kilang telah terpilih untuk menerima hadiah penghargaan tersebut yang dipilih berdasarkan kriteria-kriteria yang telah ditetapkan.



## AR-RAHN BUKA CAWANGAN DI PASIR PUTEH



ermodalan Kelantan Berhad (PKB) yang memiliki kedai Pajak Gadai Islam Ar-Rahn berjaya membuka cawangannya yang keliga iaitu di Pasir Puteh. Perasmian cawangan baru tersebut telah disempurnakan oleh YAB Tuan Guru Dato' Haji Nik Abd. Aziz b. Hj. Nik Mat, Menteri Besar Kelantan pada 12 Muharram 1421H bersamaan 17 April 2000.

Berucap dimajlis perasmian tersebut, Pengarah Eksekutif PKB, Tuan Haji Aziz Nawi berkata, Ar-Rahn telah diwujudkan bagi menyelamatkan orang ramai daripada kegiatan ceti haram di samping membantu meningkatkan ekonomi penduduk di negeri ini. Setakat ini Ar-Rahn telah mengeluarkan pinjaman berjumlah RM300 juta kepada hampir 700,000 peminjam melalui tiga cawangannya.

Ar-Rahn Kota Bharu yang dibuka pada tahun 1992 telah mengeluarkan pinjaman berjumlah RM225.3 juta kepada 454,259 pelanggan. Ar-Rahn Tanah Merah yang memulakan operasi pada tahun 1995 telah mengeluarkan pinjaman sebanyak RM93.3 juta kepada 179,918 pelanggan. Manakala Ar-Rahn Pasir Puteh yang mula beroperasi tahun 1999 telah mengeluarkan pinjaman berjumlah RM1.7 juta kepada 2,735 peminjam. Memandangkan kemudahan yang disediakan oleh Ar-Rahn dapat dinikmati oleh semua lapisan masyarakat, pihak pengurusan merancang untuk menambah cawangan baru bagi menyediakan perkhidmatan yang lebih baik.

## MESYUARAT AGUNG KALI KE 19 KOPERASI PKINK BERJALAN LANCAR



anggar 21 Rabiul Awal 1421H (24 Jun 2000), Koperasi PKINK Berhad mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan Kali ke 19. Lebih 800 anggota Koperasi telah menghadiri mesyuarat tersebut yang telah dirasmikan

oleh YB En. Takiuddin Hassan, Pengurus Jawatankuasa Perancang, Kewangan dan Pentadbiran Awam Negeri Kelantan. Sebagai penghargaan di atas kehadiran, setiap anggota diberikan suguhan berupa barang dan wang tunai sebanyak RM60.00.

Sebagaimana lazimnya, mesyuarat agung pada kali ini telah berjalan lancar mengikut agenda seperti pembentangan serta pengesahan minit mesyuarat tahun 1999, anggaran belanjawan 2000 dan ada

ketikanya penjalanan mesyuarat agak gamat kerana membahaskan usul-usul dan cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh para anggota. Selain itu, mesyuarat kali ini juga telah membentang dan meluluskan pindaan undang-undang kecil serta peraturan koperasi.

Ahli-ahli Lembaga Pengarah Koperasi turut mengalami rombakan menerusi pemilihan yang dibuat semasa mesyuarat, di mana ada muka-muka baru yang dilantik dan tidak ketinggalan beberapa muka lama dikenalkan. Apa pun keadaannya, semua Ahli-ahli Lembaga Pengarah tersebut telah berikrar untuk melaksanakan mandat dan tanggungjawab yang telah diberikan dengan komitmen yang tak berbelah. Mereka juga turut mengharapkan sokongan dan kerjasama yang padu dari keseluruhan anggota agar segala kelemahan akan dapat diperbaiki.

Ahli-ahli Lembaga Pengarah yang terpilih adalah terdiri daripada -

- |   |                         |
|---|-------------------------|
| 1. Hj. Wan Ab. Rahman Wan Yaacob        | 2. Hj. Mohamad Alwi Ya  |
| 3. Hj. Mohammad Razali Deraman          | 4. Hj. Mahmud Ismail    |
| 5. Hj. Nik Azman Dato' Hj. Nik Mustapha | 6. Hj. Baharuddin Harun |
| 7. Hj. Nik Mustapha Muhamad             | 8. Hj. Nordin Mohamed   |
| 9. En. Mohd. Supram Shafie              |                         |



Sama-sama kita memanjat syukur dan melampir doa kepada Allah swt. agar segala bentuk kerjasama dan sokongan yang telah kita berikan kepada Koperasi akan berterusan demi untuk menjamin satu kesinambungan tanpa noktah.

### Sumbangan Untuk Pesakit Jantung Berlubang



orang kanak-kanak perempuan, Farah Hazmina bt. Rosdey berusia tiga tahun 10 bulan dari Kampong Tapang, Kota Bharu disahkan oleh doktor sebagai pengidap sakit jantung berlubang dan perlu menjalani pembedahan segera.

YB. Speaker Dewan Undangan Negeri Kelantan dan Timbalan Ketua Eksekutif (HEK) PKINK Tuan Hj. Hanifa Ahmad semasa berkunjung kerumahnya pada 19 Rabiul Awal lalu menghulurkan sumbangan bagi pihak PKINK. Mereka menyaksikan sendiri keadaan, malah turut merasai penderitaan yang ditanggung oleh adik Farah Hazmina. Mengikut keterangan keluarga serta surat-surat perakuan doktor, adik Farah Hazmina perlu menjalani pembedahan di Institut Jantung Negara (IJN) yang memerlukan perbelanjaan sebanyak RM25,000.00. Oleh itu beliau memohon sumbangan iklhas dari orang ramai bagi menampung kos pembedahan tersebut.

Sumbangan boleh disampaikan terus kepada -

En. Rosdey b. Rejab

Lot 1453, Kampong Tapang,

Jalan Hospital, 15200 Kota Bharu.

• Akaun Bank BSN 03100-29-87552032-4

atau

Melalui Bahagian Hal Ehwal Korporat PKINK

Tingkat 10, Bangunan PKINK,

Jalan Tengku Maharan,

15710 Kota Bharu.

Hanya Allah Jua yang akan membala budi baik dan sumbangan anda.



# IKIM-PKINK ANJUR SEMINAR KEBANGSAAN SISTEM EKONOMI ISLAM



enerap dan memartabatkan semula "Sistem Ekonomi Islam", bukanlah sesuatu perkara yang mudah kerana terhalang oleh pengaruh dan kepesatan sistem ekonomi konvensional. Selain itu iain-lain elemen yang dianggap mampu membawa kesejahteraan hidup selaras dengan perkembangan ketamadunan manusia.

Dalam hubungan ini, Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) yang berperanan dalam aktiviti-aktiviti penyelidikan tentang peranan Islam dan umat Islam dalam menangani sesuatu isu telah berkerjasama dengan Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) menganjurkan Seminar Kebangsaan Sistem Ekonomi Islam pada 2 & 3 Rabiul Awal 1421H (bersamaan 5 & 6 Jun 2000) bertempat di Hotel Perdana Kota Bharu. Seminar tersebut julung-julung kali diadakan di negeri ini, berjaya menarik lebih 200 penyertaan dari seluruh negara.

Berucap merasmikan seminar tersebut, Ybhg. Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid, Pengurus IKIM berkata, umat Islam perlu menguasai ilmu ekonomi yang berasaskan Islam. Katanya segala maklumat yang disampaikan kelak akan menepati matlamat kerajaan yang sentiasa berusaha mempertingkatkan tahap pembangunan insan dan kebajikan ummah berteraskan ekonomi Islam.

Di sepanjang seminar itu berlangsung, sebanyak lapan kertas kerja yang memfokuskan secara langsung tentang peranan Islam dalam memantapkan sistem ekonomi mampu memberikan manfaat secara langsung kepada peserta, ia dibentangkan oleh penceramah-penceramah jemputan yang keseluruhannya terdiri daripada pakar-pakar dan ilmuan di bidang masing-masing. Mereka sentiasa membuat kajian yang berterusan seiring dengan keperluan dalam menangani isu-isu semasa. Pandangan dan saranan setiap penceramah perlu diberi perhatian, dibincang serta mendapatkan pandangan yang positif.

Manakala Timbalan Menteri Besar, YB Tuan Hj. Abdul Halim Abdul Rahman ketika berucap merasmikan majlis penutup seminar tersebut berkata, Kerajaan Negeri sedang mengambil beberapa langkah dengan mendapatkan pandangan serta wakil-wakil daripada beberapa institusi bagi mengkaji, merancang dan membangunkan ekonomi berdasarkan Islam di negeri ini.

Katanya kehadiran dan kerjasama pihak IKIM memberikan pandangan amatlah bermakna. Di kesempatan itu juga, beliau melahirkan hasrat kerajaan negeri agar seminar seumpama itu yang memfokuskan isu-isu lain pula, dapat diadakan di negeri ini pada masa akan datang. Insya Allah.

